

22/03/1999

Mahathir mahu BN terus mantap

ALOR STAR, Ahad - Semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) diingatkan supaya terus mengekalkan kerjasama bagi menghadapi pembangkang dalam pilihan raya umum akan datang.

Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, semangat saling membantu bukan saja akan memastikan kemenangan, malah bagi mencapai matlamat membangun dan memajukan negara menjelang tahun 2020.

"Kita perlu mengukuhkan kerjasama antara parti komponen dalam BN untuk negara dan rakyat. Konsep istimewa dan unik dalam BN ini mesti terus dipegang kerana ia penting bagi parti terus mendapat sokongan dalam pilihan raya," katanya.

Berucap di perjumpaan dengan pemimpin BN Kedah di Dewan Seri Negeri, Wisma Darul Aman di sini hari ini, Dr Mahathir berkata konsep BN yang dimulakan dengan penubuhan Perikatan menggabungkan tiga kaum terbesar - Melayu, Cina dan India - bukan sahaja terbukti berjaya menyatupadukan pelbagai kaum, malah membangunkan negara dan rakyat.

Menerusi kerjasama itu, BN berjaya mengelakkan persengketaan kaum, sekali gus menstabilkan negara dan mengekalkan keamanan.

"Dalam BN kita nak majukan negara dari segi kebendaan dan pada masa yang sama, tidak melupakan agama. Ini hasrat dan matlamat yang kita bayangkan menjelang tahun 2020.

"Justeru, kita perlu terus menyusun diri dalam BN dengan menjalin kerjasama dan mengamalkan sikap sederhana, toleransi dan tidak keterlaluan. Sikap tolong menolong lebih baik daripada berbuat sesuatu untuk diri sendiri saja," katanya.

Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid dan semua pemimpin parti komponen BN negeri.

Terdahulu, Dr Mahathir yang dalam rangka lawatan dua hari ke sini, mengadakan pertemuan tertutup dengan Badan Perhubungan Umno Negeri.

Ketibaan beliau di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas di sini tengah hari ini, disambut oleh kira-kira 1,000 penyokong BN.

Kedah adalah negeri pertama dalam siri lawatan Perdana Menteri ke seluruh negara bagi menjelaskan usaha kerajaan menangani kegawatan ekonomi dan perkembangan politik semasa.

Dr Mahathir berkata, bagi memastikan kemenangan BN, sokongan daripada kaum yang kecil seperti masyarakat India perlu, walaupun tidak ada kawasan pilihan raya mempunyai majoriti pengundi keturunan itu.

Bagaimanapun, katanya, selaras dengan semangat dalam BN, semua parti komponen bertolak ansur dengan memberi peluang kepada kaum yang bilangannya sedikit, bertanding dalam pilihan raya.

"Dalam BN kita memerlukan sokongan antara satu sama lain. Orang Melayu juga perlu sokongan orang Cina, sementara calon India pula akan disokong oleh orang Melayu untuk menang dalam pilihan raya," katanya, yang merujuk kepada kawasan Parlimen Sungai Siput, yang diwakili Menteri Kerja Raya, Datuk Samy Vellu.

Mengenai ancaman pembangkang, Dr Mahathir percaya akan wujud hasutan dan isu yang sengaja dicipta untuk mendapat populariti dan sokongan rakyat.

Antara isu yang ditimbulkan ialah kenaikan kadar tol, perkauman, agama dan sekular, manakala hasutan pula sehingga meminta rakyat membunuh pemimpin Umno, termasuk beliau sendiri.

"Tetapi ia bukan cara BN kerana kita bukan mahukan undi semata-mata. BN mempunyai tanggungjawab besar yang bukan sahaja untuk menjadi calon tetapi

memajukan rakyat pelbagai kaum dalam semua bidang dan membangunkan negara," katanya.

Perdana Menteri menolak dakwaan sesetengah pihak kononnya sesiapa sahaja boleh membangunkan negara jika dipilih sebagai parti pemerintah.

Menurutnya, kejayaan sebuah negara bergantung kepada kebolehan dan kemampuan melaksanakan pentadbiran yang cekap.

Dalam hubungan itu, katanya, BN terbukti parti berjaya mentadbir negara sehingga Malaysia muncul sebagai negara pesat membangun dan rakyat mampu hidup dalam kemewahan berbanding beberapa negara lain.

Selain itu, kerajaan BN yang memerintah sejak merdeka, berjaya mengekalkan keamanan walaupun negara ini didiami tiga kaum terbesar dan 29 kaum lain yang mengamalkan agama, budaya dan bahasa berbeza.

"Kerajaan BN juga berjaya mengelakkan peristiwa 13 Mei 1969 yang membabitkan persengketaan antara kaum akibat jurang perbezaan ekonomi berulang, dengan melaksanakan pelbagai program ekonomi yang lebih adil," katanya.

(END)